

# Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP)



Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (UKKP) ditubuhkan pada Februari 2004, seiring dengan hasrat Universiti untuk menyediakan suasana kerja selamat dan sihat. Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan berfungsi sebagai penyelaras bagi aktiviti perkhidmatan, perlaksanaan, penyelarasan, pengawalan, kompetasi dan seumpamanya yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994.

UKKP diketuai oleh seorang penyelaras dan dibantu oleh 3 orang pegawai yang terdiri dari Pegawai Tadbir, Pegawai Latihan Vokasional dan Pegawai Sains serta 2 orang Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi). Lt Kol (B) Azuddin Bahri merupakan penyelaras yang pertama mengetua serta membangunkan UKKP sejak dari penubuhannya pada tahun 2004.


UKKP beroperasi di Tingkat 2, Bangunan KIK, Kangar dan mempunyai kemudahan yang lengkap dalam menjalankan pelbagai aktiviti seperti latihan, dan seminar serta kemudahan bagi aktiviti bantuan kecemasan dan kemanusiaan.

## Fungsi UKKP

- Menasihati majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi sesuatu tempat kerja mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi kepentingan keselamatan dan kesihatan orang-orang yang diambil berkerja di tempat kerja itu;
- Memeriksa tempat kerja untuk menentukan sama ada apa-apa jentera, peralatan, bahan, perkakas atau proses atau apa- apa jenis kerja kasar yang digunakan di tempat kerja, yang boleh menyebabkan kecederaan anggota ke atas mana-mana orang yang bekerja di tempat kerja. Pemeriksaan perlu dijalankan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali bagi setiap tempat kerja;
- Menyiasat segala kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja;

- Membantu majikan atau Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP menurut peraturan 11, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1994 dalam menganjur dan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja;
- Menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan 6(2) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1994, dan melaksanakan semua fungsi setiausaha sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan itu;
- Membantu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UniMAP dalam mana-mana pemeriksaan sesuatu tempat kerja bagi maksud memeriksa keberkesanannya apa-apa langkah yang diambil bagi mematuhi Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta;
- Memungut, menganalisis dan menyenggara statistik mengenai apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja. Rekod-rekod perlu disimpan dengan kemas sehingga 7 tahun;
- Membantu mana-mana pegawai menjalankan kewajipannya dibawah Akta atau mana-mana peraturan dibuat di bawah Akta; dan
- Menjalankan apa-apa arahan lain yang dibuat oleh majikan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab bagi tempat kerja atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.





## Kursus & Latihan Yang dianjurkan

Pelbagai kursus kesedaran dan kursus kemahiran asas dalam bantuan kecemasan telah diadakan oleh UKKP, antara kursus-kursus tersebut adalah:-

### 1. Kursus Pertolongan Cemas Asas

**Objektif:** Untuk melahirkan para sukarelawan yang layak sebagai ahli bantu mula.

### 2. Kursus Asas Pengendalian Ambulan

**Objektif:** Untuk memantapkan kemahiran ahli bantu mula agar mengenali peralatan dan ada kemahiran menggunakan peralatan tersebut dalam menyelamatkan mangsa dengan menggunakan ambulan.

### 3. Kursus Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa

**Objektif:** Untuk memberi pengetahuan kepada ahli bantu mula tentang Perundangan Kemanusiaan Antarabangsa.



### 4. Kursus Persijilan Pertolongan Cemas Lanjutan

**Objektif:** Selain dari menambah kemahiran tambahan kepada ahli bantu mula, kursus ini juga melahirkan jurulatih yang kompeten dalam mengendalikan pertolongan cemas.

### 5. Kursus Pencegahan & Pengawalan Kebakaran

**Objektif:** Untuk memberi kemahiran kepada staf tentang asas pencegahan dan pengawalan kebakaran.

### 6. Kursus Asas Keselamatan Pekerja

**Objektif:** Untuk memberi pendedahan kepada staf tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja secara amnya.



### 7. Kursus Pengurusan Risiko, Makmal & Bengkel

**Objektif:** Untuk memberi pendedahan kepada staf yang berkaitan dengan makmal dan bengkel tentang bahaya di tempat kerja dan cara menganalisa risiko.

### Pengiktirafan/Anugerah

Hasil dari usaha dan kerjasama dari seluruh warga UniMAP, kejayaan telah diperolehi dengan mendapat pengiktirafan dalam usaha membudayakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja bagi peringkat kebangsaan. Pada Februari 2006, UniMAP telah terpilih untuk mendapat Anugerah Gangsa bagi kategori Pekhidmatan Awam dalam Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2005.

Selain dari itu juga, dalam Majlis Anugerah Seri Gemilang 2006, UKKP telah dianugerahkan Anugerah Unit Terbaik dan Anugerah Inovasi bagi usaha-usaha yang telah dilaksanakan.

### Aktiviti Kemanusiaan

UKKP juga telah ditugaskan dalam menyelaras aktiviti badan sukarela. Dibawah UKKP terdapat dua pasukan badan sukarela iaitu Bulan Sabit Merah Malaysia Cabang UniMAP dan Pasukan Bertindak Kecemasan UniMAP. Kedua buah pasukan ini berfungsi sebagai pasukan bantu mula jika berlaku sebarang kecemasan di UniMAP. Selain itu juga kedua pasukan ini akan memberi bantuan kemanusiaan jika ada kejadian kecemasan yang berlaku di luar kampus.

Antara aktiviti kemanusiaan yang dijalankan adalah, membantu mangsa-mangsa banjir di Johor untuk kerja-kerja pembersihan, membantu mangsa ribut di Perlis juga dalam kerja-kerja pembersihan, membuat kutipan derma untuk Tabung Hari Pahlawan, kutipan derma untuk mangsa Gempa Bumi di Indonesia, kutipan derma untuk tabung mangsa taufan Nargis di Myanmar. Tujuan kutipan derma ini adalah supaya bantuan kewangan ini akan dapat meringankan sedikit beban mereka yang malang.

